

24 Ogos 2020

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Semula Persijilan RSPO bagi Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU 27) Kilang Kelapa Sawit Melalap dan Ladang Sawit, Tenom, Sabah, Malaysia

Sime Darby Plantation Berhad dengan keanggotaan RSPO No: 1-0008-04-000-00 telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian persijilan ulang RSPO terhadap Kilang Kelapa Sawit Melalap dan ladang-ladanginya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas satu (1) Kilang Kelapa Sawit dan dua (2) ladang sawit yang terletak di Tenom, Sabah, Malaysia.

BSI merancang untuk melakukan penilaian ulang persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Melalap dan ladang-ladanginya pada 06^{hb} - 09^{hb} Oktober 2020. Proses penilaian sertifikasi ulang akan dilakukan sesuai dengan persyaratan Malaysia National Interpretation (MYNI) 2019 of the RSPO Principles & Criteria 2018 for Sustainable Palm Oil Production (Intepretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) 2019 daripada RSPO Prinsip & Kriteria 2018 untuk pengeluaran minyak sawit mampan). Penilaian akan merangkumi aspek undang-undang, lingkungan, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja, mill supply chain, isu-isu sosial dan ketenagakerjaan serta perbaikan berkelanjutan sesuai persyaratan MYNI. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Melalap dan Ladang - Ladangnya	
Nama Kilang	Strategic Operating Unit (SOU 27) Kilang Kelapa Sawit Melalap
Kapasiti Kilang (MT/jam)	25 MT/jam
Lokasi	Tenom, Sabah, Malaysia
Alamat	14 th KM, Jalan Tenom-Keningau, 89908 Tenom, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	5° 13' 58.0" N ; 115° 59' 15.0" E
Pengeluaran CPO (Anggaran 2020)	11,762.72 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2020)	2,557.11 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2020)	51,142.26 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan (Ha)	Anggaran Keluaran FFB (MT)
Melalap Estate	005° 12' 54.0" N 115° 58' 34.7" E	1,090.91	250.67	2,220.37	19,392.08
Sapong Estate	005° 03' 51.5" N 115° 56' 57.1" E	1,823.57	442.58	3,417.27	31,750.18
Total		2,914.48	693.25	5,637.64	51,142.26

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO. BSI Malaysia adalah anak syarikat kepada BSI Group yang merupakan pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 80,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. BSI Group adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom. BSI Services Malaysia Sdn Bhd Malaysia mempunyai pejabat urusan di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian semula di Kilang Kelapa Sawit Melalap dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

Nama dan peranan	Aspek diliputi masa penilaian
Ning Shing Hu Ketua Juruaudit	Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit
Mohamed Hidhir Zainal Abidin Ahli Audit	Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantai bekalan untuk kilang sawit
Yusof Khairan Nizar Ahmad Tarmizi Ahli Audit	Keselamatan & kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang undang, pelan ekonomi jangka panjang, <i>time bound plan</i>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: Email:
 Alamat: Nombor Telefon:
 Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

En. Nicholas Cheong
 BSI Services Malaysia Sdn Bhd
 Suite 29.01 Level 29 The Gardens North Tower
 Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
 59200 Kuala Lumpur
 Wilayah Persekutuan, Malaysia
 Faks : +603 9212 9639
 Emel : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN / ATAU

Auditee:

Pn. Shylaja Devi Vasudevan Nair
 Sime Darby Plantation Berhad
 Level 3A, Main Block, Plantation Tower
 No. 2, Jalan PJU 1A/7
 47301 Ara Damansara
 Selangor, Malaysia
 Faks : +603 7848 4356
 Emel : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com



...making excellence a habit.™

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim Makanan Global (Pertanian)

BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Co. Reg 200801003189
Suite 29.01 Level 29,
The Gardens North Tower,
Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638
F: +6 03 9212 9639
info.malaysia@bsigroup.com
bsigroup.com.my



By Royal Charter